

30 JUL 1997

HOSPITAL PANTAI RANCANG BINA LAPAN PUSAT DIAGNOSIS AKHIR TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Hospital Pantai Bhd merancang untuk membina lapan pusat diagnosis di Semenanjung Malaysia menjelang akhir tahun ini sebagai sebahagian daripada rangkaian teleperubatannya, dan juga untuk mengatasi kekurangan tenaga pekerja.

Syarikat itu merancang untuk menubuhkan lima pusat diagnosis kecil setiap satunya bernilai sekurang-kurangnya RM1.5 juta dan tiga pusat lebih besar bernilai sekurang-kurangnya RM5.5 juta setiap satu, kata pengerusi eksekutif yang juga ketua pegawai eksekutifnya, Mokhzani Mahathir.

Perkara-perkara terperinci lain seperti tapak-tapak bagi pusat itu akan diputuskan pada akhir Ogos ini dan Hospital Pantai juga menyemak semula rancangan untuk mengembangkan perkhidmatannya ke Sabah dan Sarawak, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini hari ini.

Syarikat itu juga merancang untuk melabur kira-kira RM10 juta bagi pusat kegiatan rangkaian teleperubatan Hospital Pantai di tapak bersebelahan dengan bangunan hospitalnya di Bangsar, Kuala Lumpur, katanya.

Menurutnya, bahagian teleperubatan yang akan dikendalikan adalah onkologi, patologi, radiologi dan kardiologi.

Beliau menambah kementerian kesihatan kini sedang merangka mengenai undang-undang dan spesifikasi bagi teleperubatan.

Mokhzani berkata, peserta-peserta lain dalam industri penjagaan kesihatan juga dijangka terbabit dalam pelbagai peringkat teleperubatan itu.

Menurutnya, kemudahan baru itu yang menggabungkan teknologi terbaru mempunyai 350 tilam, dan akan melengkapkan hospital sedia ada yang mungkin dibangunkan semula selepas penyiapan kemudahan baru itu.

Kos pembinaan tapak baru itu berjumlah kira-kira RM85 juta, katanya sambil menambah pelan kasar projek berkenaan akan diserahkan kepada syarikat oleh konsultan AS pada pertengahan bulan ini manakala penyedia teknologi bagi teleperubatan akan menandatangani perjanjian pada akhir Ogos ini.

Beliau berkata selain daripada pusat diagnosis, Hospital Pantai juga akan membina dua hospital di Selangor dan Johor serta meningkatkan kemudahan sedia adanya dalam konteks peralatan hospital untuk menarik lebih ramai doktor serta bersaing dengan pesaing-pesaing lain.

Menurutnya, pembinaan hospital di Johor adalah di atas tapak seluas enam hektar dan maklumat terperinci dijangka akan diputuskan pada Ogos depan.

Pembangunan itu akan dibiayai oleh penjualan pegangan Hospital Pantai dalam syarikat penyedia penjagaan kesihatan, Parkway Holdings Limited, berpangkalan di Singapura, yang menghasilkan tunai kasar berjumlah RM686 juta.

Beliau berkata penjualan pegangan dalam Parkway adalah untuk menukar arah aliran yang lebih ke arah serantau dan sebaliknya menubuhkan pangkalan tempatan pertama. -- BERNAMA

MSL ZK/sia